

KURSUS PERKEMBANGAN KANAK-KANAK (EDUP3023) DAN KEMATANGAN SISWA GURU SEMESTER 1 AMBILAN JUN 2016 DI IPG KAMPUS ILMU KHAS

***CHILD DEVELOPMENT COURSE (EDUP3023) AND CAREER MATURITY OF SEMESTER 1
TRAINEE TEACHERS FROM THE JUNE 2016 INTAKE AT IPG KAMPUS ILMU KHAS***

¹*Lee Phaik Gaik (Ph.D)* dan ²*Norliza Jaafar*

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

¹[*phaik_gaik@ipgkik.edu.my*](mailto:phaik_gaik@ipgkik.edu.my), ²[*norliza@ipgkik.edu.my*](mailto:norliza@ipgkik.edu.my)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat korelasi dan meninjau faktor peramal Kursus Perkembangan Kanak-kanak (EDUP3023) dengan kematangan kerjaya siswa guru semester satu Ambilan Jun 2016 di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian ini dijalankan secara tinjauan deskriptif dengan menggunakan instrumen soal selidik Inventori Kematangan Kerjaya Siswa Guru (IKKS: 50 item) dan Survey Penggunaan Kursus EDUP3023 (20 item). Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang taburan jantina, dan umur siswa guru. Manakala, statistik inferensi digunakan untuk membuat inferensi tentang perbezaan di antara siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan terhadap kematangan kerjaya, kolerasi boleh ubah dan faktor peramal. Data yang diperolehi dianalisis dengan berpandukan program Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 21.0. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat korelasi yang kuat antara konsep, prinsip perkembangan kanak-kanak ($r=.325$, $p<.05$), dan teori-teori perkembangan kanak-kanak ($r=.321$, $p<.05$) dengan domain kecekapan. Dapatkan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara teori-teori perkembangan kanak-kanak ($r=.412$, $p< .01$), konsep dan prinsip perkembangan kanak-kanak ($r=.373$, $p< .01$), dan kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas ($r=.312$, $p< .05$) dengan domain sikap. Teori-teori perkembangan menyumbang sebanyak 26.1% [$F (1,78) =14.79$; $p< .05$] varians dalam kematangan responden. Ini menjelaskan bahawa Kursus EDUP3023 dapat menolong siswa guru dalam meningkatkan profesionalisme keguruan khasnya domain kecekapan pedagogi sebelum mereka bertugas sebagai guru terlatih.

Kata kunci: kematangan kerjaya, siswa guru, kemahiran pedagogi, perkembangan kanak-kanak

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the correlation between the Child Development Course (EDUP3023) and career maturity of the first semester trainee teachers from the June 2016 intake at IPG of Campus Ilmu Khas. This study also attempts to examine the predictors of EDUP3023 to career maturity among trainee teachers of semester 1. The study employs descriptive survey using the Instrumentation of Career Maturity Inventory (IKKS: 50 items) and Course Implementation Survey EDUP3023 (20 items). The data obtained were analyzed based on the Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 21.0. All independent variables were found to have strong correlation between the concepts, the developmental principles of children ($r = .325$, $p <.05$), the developmental theories ($r = .321$, $p <.05$) and the domain of competence. The findings also show that developmental theories ($r=.412$, $p< .01$), developmental principles of children ($r=.373$, $p< .01$), special children ($r=.312$, $p< .05$) have strong relationship with character domain. Developmental theories accounted for 26.1% [$F (1,78) = 14.79$; $P <.05$] variance in career maturity of respondents. This illustrates that EDUP3023 courses can help trainee teachers in improving their professionalism in pedagogical competence domain before they become trained teachers.

Keywords: maturity, child development, pedagogical skill, trainee teachers

Pengenalan

Institut Pendidikan Guru dipertanggungjawabkan untuk melahirkan dan melestarikan guru berkualiti demi melahirkan modal insan kelas pertama dan pendidikan bertaraf dunia. Ini bermakna modal insan berkualiti amat bergantung kepada kematangan kerjaya siswa guru untuk melonjakkan Malaysia ke peringkat negara maju menjelang tahun 2020. Kematangan kerjaya dapat menghasilkan individu yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju. Justeru itu, pendidikan yang mantap diperlukan untuk membentuk modal insan berfikiran kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang baru, mempunyai daya tahan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran global yang sering berubah. Justeru itu, siswa guru perlu memahami, menunjukkan kesungguhan, dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam melaksanakan daya usaha dan pendekatan baru ke arah usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan.

Kematangan kerjaya merupakan satu konsep yang telah dikemukakan oleh Super (1991) dalam teori Perkembangan Kerjaya. Pada tahun 1994, teori ini telah ditetapkan sebagai “The Life-Span, Life-Space Approach to Careers” (Super, Savickas & Super 1996, dalam Zunker 2006). Menurut teori ini, seseorang individu itu akan melalui beberapa proses perkembangan kerjaya dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain seiring dengan peningkatan usia dan masa. Selaras dengan konsep kematangan kerjaya ini, program pendidikan guru yang ditawarkan kepada siswa guru adalah penting dalam meningkatkan kematangan kerjaya mereka. Program pendidikan guru yang ditawarkan adalah penting untuk menyediakan siswa guru dengan pengetahuan, kemahiran dan komitmen yang mantap untuk menceburi profesi perguruan sebagai kerjaya jangka panjang mereka. Bagi menjamin kualiti pendidikan negara, siswa guru dikehendaki menguasai kompetensi pedagogi dan kompetensi profesional sebelum berkhidmat di sekolah.

Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) meliputi kandungan dan kemahiran pedagogi dalam bidang pengkhususan dan bidang teras. Bidang teras dikenali sebagai Kursus Pengajian Profesional yang merangkumi aspek pengetahuan, nilai dan etika keguruan serta kemahiran profesional bagi melahirkan guru yang mampu melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Objektif bidang Pengajian Profesional dalam latihan keguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah untuk menyediakan asas pengetahuan (*body of knowledge*) dalam disiplin pendidikan. Ini adalah selaras dengan misi Institut Pendidikan Guru Malaysia iaitu melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia.

Kursus Perkembangan Kanak-kanak (EDUP3023)

Kursus Perkembangan Kanak-kanak (EDUP3023) adalah salah satu kursus amalan profesional yang ditawarkan untuk siswa guru PISMP semester satu. Matlamat kursus ini ditawarkan adalah supaya siswa guru dapat memahami perkembangan kanak-kanak daripada bayi sehingga awal remaja dan implikasinya terhadap pengajaran dan pembelajaran guru.

Kursus ini merangkumi empat topik dan setiap topik mempunyai hasil pembelajaran yang tertentu untuk dicapai oleh siswa guru (RMK November 2016). Topik pertama menjelaskan tentang konsep dan prinsip asas perkembangan kanak-kanak, membandingkan beza antara pertumbuhan dan perkembangan; dan faktor-faktor baka dan persekitaran yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Di akhir pengajaran topik ini, siswa guru harus dapat menerangkan konsep, prinsip asas dan faktor perkembangan kanak-kanak.

Seterusnya topik kedua adalah peringkat-peringkat perkembangan kanak-kanak dari peringkat pranatal, bayi, kanak-kanak hingga awal remaja dan hubungkait dengan teori-teori

perkembangan. Dalam topik ini, siswa guru didedahkan kepada teori-teori perkembangan kanak-kanak iaitu teori perkembangan kognitif, teori perkembangan bahasa, teori perkembangan sosio emosi dan teori perkembangan moral. Setiap teori perkembangan akan dihubungkait dengan peringkat perkembangan kanak-kanak dari pranatal sehingga awal remaja. Siswa guru juga membuat refleksi tentang implikasi setiap teori perkembangan terhadap pengajaran dan pembelajaran. Dengan pendedahan kepada teori perkembangan kanak-kanak, siswa guru lebih berkeyakinan untuk menangani masalah pembelajaran kanak-kanak dan dapat merancang pengajaran yang sesuai dengan tahap dan potensi kanak-kanak. Dalam topik ini, siswa guru perlu menganalisis peringkat-peringkat perkembangan kanak-kanak hingga awal remaja berdasarkan teori-teori perkembangan melalui sumber rujukan dan tinjauan literatur.

Topik ketiga mendedahkan siswa guru kepada personaliti dan konsep kendiri kanak-kanak; serta implikasi personaliti dan konsep kendiri terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Dalam topik ini, siswa guru mempelajari teori-teori personaliti iaitu Teori Carl Jung, Teori Gordon Allport dan Teori Sigmund Freud. Pengetahuan tentang teori-teori personaliti membolehkan siswa guru memahami tingkah laku kanak-kanak di dalam kelas. Pada akhir topik ini, siswa guru harus dapat membincangkan jenis-jenis personaliti dan konsep kendiri murid; serta implikasinya terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Pengetahuan tentang ciri-ciri perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas tidak dikecualikan dalam kursus ini. Dalam topik ini, siswa guru didedahkan kepada kategori dan ciri-ciri kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas seperti disleksia, ADHD, autisme, masalah pembelajaran, masalah pendengaran (*hearing-impaired*), masalah penglihatan (*visually-impaired*) dan masalah pertuturan (*speech disorder*). Siswa guru diberi peluang menganalisis kategori dan ciri-ciri perkembangan kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas melalui sumber rujukan yang relevan dan terkini.

Keempat-empat topik ini membolehkan guru memahami konsep dan proses perkembangan yang dicapai oleh kanak-kanak daripada pelbagai peringkat umur. Dengan kefahaman ini, guru dapat merancang pelbagai strategi, kaedah dan teknik, bahan bantu mengajar dan menyediakan sumber pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk semua peringkat perkembangan kanak-kanak. Selain daripada itu, pengetahuan ini juga membantu guru memahami proses, meramal dan menentukan tingkah laku kanak-kanak (Berk, 2012).

Justeru itu, kursus Perkembangan Kanak-kanak (EDUP3023) sangat membantu para siswa guru membina kemenjadian guru yang berkepedulian tinggi terhadap murid-murid serta menerima mereka tanpa syarat apabila mereka mengajar di sekolah setelah tamat latihan kelak. Sesungguhnya, EDUP3023 berupaya mewujudkan keselarian antara psikologi kanak-kanak dengan minat kerjaya perguruan. Ini bermakna apabila kematangan kerjaya siswa guru meningkat, secara tidak langsung ia juga dapat mengurangkan risiko siswa guru mengalami tekanan perasaan akibat kurang selaras atau selari dengan pekerjaan yang diceburi (Rohany Nasir, 2009).

Kematangan Kerjaya

Menurut Mohamed Hatta Shaharom (2003), ‘kematangan’ bermakna remaja dapat menyesuaikan dirinya dengan kehendak pergolakan dunia dan kehendak masyarakat yang sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa. Manakala, kerjaya pula dinyatakan sebagai perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan yang berkaitan dengan dunia pekerjaan. Perkataan ini juga membawa erti profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah. Kalau dilihat kepada definisi ini, kerjaya mempunyai erti yang amat luas, bukan sahaja merujuk kepada usaha-usaha yang mendatangkan pulangan bergaji secara harian atau bulanan seperti yang difahami oleh kebanyakan individu hari ini. Tetapi, ianya merangkumi seluruh bidang yang diceburi oleh setiap individu yang merangkumi etika, panduan dan bimbingan profession.

Seterusnya, Thompson dan Linderman (1981, dalam Rohany Nasir 2009), mendefinisikan kematangan kerjaya sebagai satu kesediaan bersama tugas-tugas perkembangan kerjaya yang bersesuaian dengan tahap kehidupan seseorang individu. Manakala Super (1991), mendefinisikan kematangan kerjaya sebagai persediaan sebelum seseorang itu menceburkan diri dalam bidang pekerjaan. Kematangan kerjaya dirujuk sebagai keselarasan di antara tingkah laku kerjaya individu dan tingkah laku kerjaya yang dijangkakan bagi tahap sesuatu umur. Ini bermakna, semakin hampir kesesuaian di antara tingkah laku yang dijangkakan atau dirasakan maka semakin matanglah seseorang itu dari segi perkembangan kerjayanya. Kejayaan atau kegagalan dalam memenuhi tugas-tugas tertentu itu akan menunjukkan kedudukan individu di dalam proses perkembangan kerjayanya, yang pada akhirnya akan memperlihatkan tahap kematangan kerjaya seseorang individu.

Menurut Super (2001), konsep kendiri adalah faktor yang mempunyai hubungan rapat dengan perkembangan kematangan kerjaya. Konsep kendiri seseorang terbentuk sebelum peringkat remaja dan ianya akan disesuaikan dengan permintaan pemilihan dari semasa ke semasa. Ini bermakna faktor-faktor sampingan yang lain seperti minat, nilai diri dari segi tahap pendidikan dan personaliti, kualiti pelajaran, tekanan masyarakat, tren dan sikap pekerjaan masyarakat akan mempengaruhi bidang pekerjaan yang dipilih oleh seseorang individu. Dengan itu, darjah kepuasan yang diperolehi individu dalam sesuatu pekerjaan ialah keupayaan individu berkenaan mengimplementasikan konsep kendirinya dalam kerjaya (Rohany Nasir, 2009).

Dalam kontek kajian ini, definisi operasional sikap kematangan kerjaya yang dimaksudkan ialah merujuk kepada tahap keupayaan seseorang siswa guru untuk bersedia menjadi seorang pendidik dari domain sikap dan kecekapan. Ini menunjukkan pengetahuan dalam pendidikan adalah seiringan dengan tahap keupayaan siswa guru di Institut Pendidikan Guru. Dalam kajian ini kematangan kerjaya domain sikap dan domain kecekapan siswa guru akan diukur dengan menggunakan Inventori Kematangan Kerjaya Siswa Guru (IKKS). Skala ini boleh mendedahkan sikap dan kecekapan kematangan kerjaya siswa guru terhadap profesion keguruan.

Penyataan Masalah

Institut Pendidikan Guru (IPG), Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan pusat latihan keguruan yang membekalkan guru ke sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pengambilan siswa guru ke IPG adalah terdiri daripada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kebanyakan pelajar ini menentukan hala tuju kerjaya mereka berdasarkan keputusan SPM yang diperolehi semata-mata. Pelajar ini masih tidak matang dalam aspek kerjaya. Mereka masih tidak dapat membuat keputusan dan ketidakpastian; contohnya adakah profession keguruan menepati kehendak mereka? Pelajar ini kurang ketabahan, motivasi, dan nilai kendiri kerana masih kurang pasti tentang apa kerjaya yang sesuai dengan mereka. Kebanyakkan mereka mecebur profesional keguruan disebabkan oleh desakan dan kemahuan ibu bapa. Masalah yang dinyatakan di atas ada kaitannya dengan tahap kematangan kerjaya dan efikasi kendiri kerjaya pelajar (Rohany Nasir, 2009).

Manakala, IPG bertanggungjawab menyediakan latihan keguruan yang berkualiti bagi memastikan guru yang dihasilkan profesional dan kompeten. Bagi melahirkan guru berkualiti, cekap dan berkesan untuk memenuhi keperluan sekolah rendah di seluruh negara. Penekanan latihan keguruan adalah kepada aspek nilai dan amalan profesionalisme, pengetahuan dan kefahaman psikologi kanak-kanak, dan kemahiran pengajaran. Sehubungan itu, proses perkembangan kematangan kerjaya khususnya dalam kompetensi keguruan membawa kewajaran menjadikan aspek kematangan kerjaya sebagai agenda penting dalam memartabatkan profesionalisme keguruan. Apabila pelajar ini berada di IPG, kursus -kursus yang ditawarkan sepatutnya membantu dalam meningkatkan tahap kematangan kerjaya mereka.

Untuk tujuan mengetahui sama ada kursus yang ditawarkan membantu dalam kematangan kerjaya pelajar, kajian ini memilih kursus Perkembangan kanak-kanak (EDUP3023) yang merupakan

kursus amalan professional yang wajib diikuti oleh semua siswa guru semester satu. Kursus ini memberi kefahaman dan kesedaran kepada siswa guru bahawa pengetahuan tentang psikologi dan perkembangan kanak-kanak sangat penting dalam kerjaya keguruan. Maka, persoalannya adakah kursus-kursus yang ditawarkan khasnya kursus Perkembangan Kanak-kanak (EDUP3023) di Institut Pendidikan Guru (IPG) berupaya meningkatkan kematangan kerjaya siswa guru?

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk

- i. Mengenal pasti tahap kematangan kerjaya domain sikap dan domain kecekapan dalam kalangan siswa guru Semester 1.
- ii. Mengenal pasti tahap penguasaan kursus EDUP3023 dalam kalangan siswa guru semester 1.
- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan kerjaya di antara siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan terhadap kematangan kerjaya.
- iv. Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan Kursus EDUP3023 dengan kematangan kerjaya dalam kalangan siswa guru Semester 1.
- v. Menentukan sumbangan faktor peramal EDUP3023 terhadap kematangan kerjaya dalam kalangan siswa guru semester 1.

Metodologi

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui hubungan di antara penguasaan EDUP3023 dengan tahap kematangan siswa guru semester 1 serta faktor yang menyumbang kepada kematangan tersebut. Sehubungan itu, reka bentuk kajian yang telah dipilih adalah tinjauan deskriptif. Kajian tinjauan mampu menghurai isu-isu dan masalah dalam pelbagai perspektif terutamanya yang melibatkan sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan persepsi (Creswell 2005).

Sampel Kajian

Bagi tujuan kajian ini, kaedah persampelan yang digunakan ialah persampelan rawak. Kajian ini melibatkan 80 siswa guru semester satu Ambilan Jun 2016 yang berumur di antara 18-21 tahun di IPGKIK.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik, maka dapatan kajian ini bergantung sepenuhnya kepada keikhlasan responden semasa menjawab setiap item yang diberikan dalam soal selidik (Chua, 2006). Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini ialah Inventori Kematangan Kerjaya Siswa Guru (IKKS) dan Survey Pelaksanaan Kursus EDUP3023.

Inventori Kematangan Kerjaya

Instrumen ini diadaptasi daripada instrumen soal selidik *Career Maturity Inventory-Revised* (CMI-R) atau Inventori Kematangan Kerjaya – Semakan oleh O Crites dan Savickas (1995) untuk mengukur komponen domain sikap dan domain kecekapan berkaitan dengan kematangan kerjaya yang mengandungi 50 item.

Terdapat dua bahagian dalam alat ukuran ini, iaitu domain sikap dan domain kecekapan. Domain sikap merangkumi lima dimensi iaitu: (1) Komunikasi Interpersonal; (2) Hubungan Profesional; (3) Resilen/ motivasi; (4) Kerja Sepasukan dan (5) Nilai Kendiri. Domain kecekapan ini dibahagikan kepada lima dimensi iaitu (1) Budaya Ilmu/ Pengetahuan Kurikulum; (2) Pembelajaran Sepanjang Hayat; (3) Kepimpinan; (4) Kemahiran Penyelesaian Masalah; dan (5) Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Jadual 1 menunjukkan item positif dan item negatif domain sikap dan domain kecekapan.

Jadual 1

Inventori kematangan siswa guru – domain sikap dan domain kecekapan

Domain Domain Sikap	Item Positif	Item Negatif	Bilangan item
Komunikasi Interpersonal	1, 4, 5	2, 3	
Hubungan Profesional	6, 7, 9, 10	8	
Resilen / motivasi	11, 12, 14, 15	13	25
Kerja Sepasukan	16, 17, 19, 20	18	
Nilai Kendiri.	21, 22, 24, 25	23	
<hr/>			
Domain Kecekapan			
Budaya Ilmu/ Pengetahuan Kurikulum	1, 3, 4, 5	3	
Pembelajaran Sepanjang Hayat	6, 7, 9, 10	8	
Kepimpinan	11, 14, 15	12, 13	
Kemahiran Penyelesaian Masalah	16, 17, 19, 20	18	25
Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi	21, 22, 24, 25	23	

Instrumen Penguasaan EDUP3023

Instrumen ini dibina oleh pengkaji kajian ini. Pengkaji telah merujuk kepada pakar bidang perkembangan kanak-kanak untuk keesahan kandungan. Item dalam instrumen ini adalah selaras dengan topik-topik dalam ringkasan maklumat kursus (semakan Nov 2016). Kebolehpercayaan *cronbach's alpha* instrumen ini ialah .92.

Instrumen ini mengandungi empat konstruk seperti yang termaktub dalam Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) EDUP3023 dan mengandungi 20 item. Empat konstruk adalah konsep, prinsip perkembangan kanak-kanak, teori-teori perkembangan, personaliti dan konsep kendiri, dan kanak-kanak berkeperluan khas. Terdapat 5 item dalam setiap konstruk.

Julat maklum balas adalah antara 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat bersetuju). Bagi menentukan tahap pencapaian responden terhadap perlaksanaan EDUP3023, interpretasi dibuat berdasarkan pengiraan skala jeda. Kedudukan responden pula dibahagikan kepada empat tahap berdasarkan julat min. Kedudukan tahap kematangan kerjaya dalam domain sikap, domain kecekapan dan persepsi siswa guru terhadap pelaksanaan EDUP3023 adalah berdasarkan julat skor min seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2

Pemarkatan dan interpretasi untuk tahap kematangan kerjaya siswa guru dan perlaksanaan EDUP3023

Julat min	Interpretasi tahap kematangan kerjaya
4.0-5.0	Sangat tinggi
3.0-3.99	Tinggi
2.0-2.99	Rendah
1.0-1.99	Sangat rendah

Analisis Data

Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang taburan jantina, dan umur siswa guru. Untuk tujuan itu, kekerapan min dan sisihan piawai digunakan. Analisis deskriptif dalam min dan sisihan piawai juga digunakan untuk mengenal pasti tahap kematangan siswa guru.

Statistik inferensi digunakan untuk membuat generalisasi keputusan kajian yang diperoleh daripada sampel kajian kepada populasi kajian (Chua, 2006). Tiga jenis statistik inferensi terlibat dalam kajian ini, iaitu (i) Analisis Kolerasi Bivariat Pearson bagi melihat hubungan antara kesemua pemboleh ubah terlibat, (ii) Analisis *Independent -samples t-Test* digunakan untuk membuat inferensi tentang perbezaan yang signifikan di antara siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan terhadap kematangan kerjaya; manakala (iii) Analisis Regresi Pelbagai (*Multiple Regression*) bagi membuat inferensi tentang faktor-faktor penyumbang kepada tahap kematangan kerjaya siswa guru semester 1. Saiz sampel untuk analisis regresi Pelbagai adalah mengikut *rule of thumb* iaitu saiz sampel $\geq 50 + 8m$ di mana m adalah pembolehubah (Maxwell, 2000). Untuk tujuan data, data yang diperolehi dianalisis dengan berpandukan program *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 21.0*.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian dibincangkan satu persatu berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Analisis ke atas demografi responden dibuat menggunakan petunjuk kekerapan dan peratusan.

Jadual 3

Profil demografi siswa guru

Demografi		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	40	50.0
	Perempuan	40	50.0
Umur	18	1	1.3
	19	53	66.2
	20	19	23.8
	21	7	8.7

Berdasarkan dapatan yang diperoleh seperti paparan dalam Jadual 3, bilangan siswa guru perempuan ($N=40$; 50.0%) dan guru lelaki ($N=40$; 50.0%). Daripada segi umur pula majoriti responden berumur 19 tahun ($N=53$; 66.2%) diikuti dengan mereka yang berumur 20 tahun ($N=19$; 23.8%), 21 tahun ($N=7$; 8.7%) dan 18 tahun ($N=1$; 1.3%). Dapatan ini menunjukkan kebanyakan siswa guru semester 1 di IPG KIK berada dalam lingkungan umur 19 tahun – 20 tahun.

Tahap Dimensi Domain Sikap dan Domain Kecekapan Responden

Perbincangan pada bahagian ini bertujuan untuk menjawab objektif kajian 5.1 iaitu mengenal pasti tahap kematangan kerjaya domain sikap dan domain kecekapan dalam kalangan siswa guru semester 1.

Jadual 4

Tahap dimensi domain sikap dan domain kecekapan responden

Domain/Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Domain Sikap			
Komunikasi Interpersonal	3.33	.72	
Hubungan Profesional	3.76	.84	
Resilen / motivasi	3.35	1.11	Tinggi
Kerja Sepasukan	3.60	.53	
Nilai Kendiri.	3.70	.57	
Domain Kecekapan			
Budaya Ilmu/ Pengetahuan Kurikulum	3.80	.45	
Pembelajaran Sepanjang Hayat	3.72	.52	
Kepimpinan	3.17	.48	Tinggi
Kemahiran Penyelesaian Masalah	3.39	.55	
Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi	3.53	.59	

*Nota: Sangat rendah 1.0-1.999, Rendah 2.0-2.999, Tinggi 3.0-3.999, Sangat tinggi 4.0-5.0

Merujuk Jadual 4, analisis dapatan kajian menunjukkan min kematangan kerjaya responden terhadap domain sikap dan domain kecekapan adalah tinggi keseluruhannya. Walau bagaimanapun, apabila diperincikan analisis terhadap dimensi domain sikap, dimensi kemahiran professional adalah paling tinggi ($M=3.76$; $SP=.84$), diikuti dengan dimensi nilai kendiri ($M=3.70$; $SP=.57$), kerja sepasukan

($M=3.60$; $SP=.53$), resilen/motivasi ($M=3.35$; $SP=1.11$), dan komunikasi interpersonal ($M=3.33$; $SP=.72$), Dapatkan ini menunjukkan responden mempunyai resilen/ motivasi dan komunikasi interpersonal yang lebih rendah daripada dimensi lain dalam domain sikap.

Seterusnya, Jadual 4 memaparkan taburan min dan sisihan piawai dimensi domain kecekapan responden. Secara amnya bagi kesemua dimensi domain kecekapan yang dikaji, dapatkan menunjukkan min dimensi domain kecekapan responden berada pada tahap tinggi dengan min antara 3.80 hingga 3.17. Dimensi budaya ilmu/ pengetahuan kurikulum ($M=3.80$; $SP=.45$), paling tinggi diikuti dengan pembelajaran sepanjang hayat ($M=3.72$; $SP=.52$), kemahiran teknologi dan maklumat ($M=3.53$; $SP=.59$), kemahiran penyelesaian masalah ($M=3.39$; $SP=.55$) dan kepimpinan ($M=3.17$; $SP=.48$). Dapatkan menunjukkan responden tidak begitu matang dalam kemahiran penyelesaian masalah dan kepimpinan.

Tahap Penguasaan Kursus EDUP3023

Perbincangan pada bahagian ini bertujuan untuk menjawab objektif kajian 5.2 iaitu mengenal pasti tahap perlaksanaan kursus EDUP3023 dalam kalangan siswa guru semester 1.

Jadual 5

Tahap penguasaan kursus EDUP3023

Aspek EDUP3023	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kursus EDUP3023	4.41	.38	
Konsep, Prinsip perkembangan kanak-kanak	4.45	.44	
Teori-teori perkembangan kanak-kanak	4.40	.42	
Personaliti dan Konsep kendiri	4.33	.44	Sangat Tinggi
<u>Kanak-kanak berkeperluan pendidikan Khas</u>	<u>4.48</u>	<u>.48</u>	

*Nota: Sangat rendah 1.0-1.999, Rendah 2.0-2.999, Tinggi 3.0-3.999, Sangat tinggi 4.0-5.0

Merujuk Jadual 5, analisis dapatkan kajian menunjukkan min perlaksanaan kursus EDUP3023 adalah sangat tinggi keseluruhannya. Aspek-aspek dalam kursus EDUP3023 adalah kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas paling tinggi ($M=4.48$; $SP=.48$), diikuti dengan aspek konsep, prinsip perkembangan kanak-kanak ($M=4.45$; $SP=.44$), teori-teori perkembangan kanak-kanak ($M=4.40$; $SP=.42$), dan personaliti dan konsep kendiri ($M=4.33$; $SP=.44$). Dapatkan ini sangat memberangsangkan dan menunjukkan matlamat dan objektif kursus EDUP3023 tercapai dengan cemerlang.

Perbezaan Kematangan Kerjaya Siswa Guru Lelaki dan Kematangan Siswa Guru Perempuan

Dapatkan kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab objektif 5.3 iaitu untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan kematangan kerjaya dalam kalangan siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan.

Jadual 7

Ujian perbandingan min

Jantina	Mean	N	SP	p
Lelaki	3.38	40	.23	.02
Perempuan	3.59	40	.33	

Jadual 7 menunjukkan terdapat perbezaan antara siswa guru lelaki ($M=3.38$; $SP=.23$) dengan siswa guru perempuan ($M=3.59$; $SP=.33$) dalam kematangan kerjaya. Oleh kerana min siswa guru perempuan dari aspek kematangan kerjaya lebih tinggi berbanding dengan min siswa guru lelaki; maka dapat disimpulkan bahawa siswa guru perempuan mempunyai tahap kematangan kerjaya yang lebih baik berbanding siswa guru lelaki.

Jadual 8

Independent samples t-test untuk jantina

t-test for equality of means				
Kematangan kerjaya	t	df	p	Mean difference
Equal variances assumed	-2.36	78	.02	.087

Daripada Jadual 8, ujian *t-test* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara siswa guru perempuan dan siswa guru lelaki, dengan nilai $t(78)=-2.36$; $p<.05$. Oleh itu boleh disimpulkan terdapat perbezaan tahap kematangan kerjaya yang signifikan di antara siswa guru perempuan dan siswa guru lelaki.

Hubungan Antara Penguasaan EDUP3023 dengan Kematangan Kerjaya

Perbincangan pada bahagian ini bertujuan untuk menjawab objektif kajian 5.4 iaitu menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara penguasaan Kursus EDUP3023 dengan kematangan kerjaya siswa guru Semester 1.

Kekuatan hubungan antara pemboleh ubah ditafsir berdasarkan cadangan Healey et al., (1997) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9

Pengelasan tafsiran pekali korelasi mengikut Healey (1997)

Nilai Kolerasi (r)	Kekuatan Hubungan
> 0.30	Kuat
0.10 -0.30	Sederhana
<0.10	Lemah

Pemboleh ubah bebas Kursus EDUP3023 terdiri daripada aspek prinsip, teori perkembangan, personaliti dan murid-murid berkeperluan khas. Manakala, kematangan kerjaya terdiri daripada domain kecekapan dan domain sikap. Bagi mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah EDUP3023 dengan kematangan kerjaya siswa guru, Ujian Kolerasi Pearson telah dijalankan. Jadual 10 memaparkan dapatan analisis korelasi bivariat yang menjelaskan hubungan antara kesemua pemboleh ubah kajian.

Jadual 10

Hubungan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas

Pemboleh ubah bebas (EDUP3023)	Pemboleh ubah bersandar Kematangan kerjaya	
	Domain Kecekapan	Domain Sikap

	r	p	r	p
Konsep, Prinsip perkembangan kanak-kanak	.325*	.011	.373*	.003
Teori-teori perkembangan kanak-kanak	.321*	.012	.412**	.001
Personaliti dan Konsep kendiri	.278*	.032	.270*	.037
Kanak-kanak berkeperluan pendidikan Khas	.103	.434	.312*	.015

* $p<0.05$ ** $p<0.01$

Hasil analisis menunjukkan hampir semua pemboleh ubah bebas mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan pemboleh ubah domain kecekapan kecuali pemboleh ubah kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas. Berdasarkan nilai r, didapati wujud hubungan yang kuat antara konsep, prinsip perkembangan kanak-kanak ($r=.325$, $p<.05$), teori-teori perkembangan kanak-kanak ($r=.321$, $p<.05$) terhadap domain kecekapan. Sementara bagi pemboleh ubah personaliti dan konsep kendiri, hubungannya dengan domain kecekapan adalah positif dan sederhana ($r=.278$, $p<.05$). Keseluruhan hubungan yang signifikan dan positif ini menjelaskan bahawa semakin tinggi penguasaan tentang konsep, prinsip perkembangan kanak-kanak, teori perkembangan, personaliti dan konsep kendiri maka semakin meningkat kematangan domain kecekapan dalam kalangan responden.

Bagi pemboleh ubah kematangan domain sikap, hasil analisi menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan kuat dengan domain sikap ditunjukkan oleh pemboleh ubah teori-teori perkembangan kanak-kanak ($r=.412$, $p<.01$), konsep dan prinsip perkembangan kanak-kanak ($r=.373$, $p<.01$), dan kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas ($r=.312$, $p<.05$). Sementara pemboleh ubah personaliti dan konsep kendiri hanya menunjukkan kekuatan hubungan yang sederhana tetapi positif ($r=.270$, $p<.05$). Maka, keseluruhan dapatan ini menjelaskan bahawa semakin tinggi penguasaan tentang konsep, prinsip perkembangan kanak-kanak, teori perkembangan, personaliti dan konsep kendiri dan kanak-kanak berkeperluan khas; maka semakin meningkat kematangan domain sikap dalam kalangan responden.

Faktor Penyumbang Kepada Kematangan Kerjaya.

Perbincangan pada bahagian ini bertujuan untuk menjawab objektif kajian 5.5 iaitu menentukan sumbangan faktor peramal EDUP3023 terhadap kematangan kerjaya dalam kalangan siswa guru semester 1. Analisis regresi pelbagai digunakan untuk menganalisa objektif kajian ini, dan dapatannya dipaparkan dalam jadual 11 dan 12. Penggunaan analisis regresi ini menggunakan *rule of thumb* iaitu saiz sampel $\geq 50 + 8m$ di mana m adalah pemboleh ubah bebas (Maxwell, 2000).

Jadual 11*Analisi Varians Regresi Pelbagai Kematangan Kerjaya dan EDUP3023*

Punca Variasi	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min kuasa Dua	F	p
Regresi	2598.98	1	2598.98	14.79	.000 ^b
Reja	10193.86	78	175.75		
Jumlah	12792.85	79			

a. Pemboleh ubah bersandar: Kematangan kerjaya
b. Peramal: Teori-teori perkembangan kanak-kanak

Dapatan analisis data dalam jadual 11 menunjukkan hanya pemboleh ubah teori-teori perkembangan kanak-kanak menyumbang secara signifikan terhadap kematangan kerjaya responden [$F (1,78) =14.79$; $p < .05$]. Jadual 12 menunjukkan pemboleh ubah teori-teori perkembangan menyumbang sebanyak 26.1% varians dalam kematangan kerjaya responden. Dapatan juga menunjukkan pemboleh ubah konsep, prinsip perkembangan kanak-kanak, personaliti dan konsep kendiri, serta kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas bukan merupakan faktor penyumbang walau pun mempunyai hubungan yang signifikan dengan kematangan kerjaya.

Jadual 12*Koefisien anggaran bagi kematangan kerjaya dan pemboleh ubah bebas dengan menggunakan kaedah Stepwise*

		Pekali tidak piawai (β)	Pekali piawai (β)	t	R ²	p
Pemalar		100.03				
Teori-teori perkembangan kanak-kanak		20.72	.59	2.38	.261	.021

Catatan: R=511^a Adj. R² = .20, Ralat piawai=13.11 Durbin-Watson=1.24

Berdasarkan Jadual 12, didapati pemboleh ubah teori-teori perkembangan kanak-kanak adalah penyumbang utama ($\beta=.59$, $t=2.38$, $p<.05$) bagi kematangan kerjaya dalam kalangan responden. Ini bermakna bagi setiap satu unit pertambahan dalam teori-teori perkembangan, kematangan kerjaya responden akan meningkat sebanyak 0.59 unit. Pemboleh ubah teori-teori perkembangan kanak-kanak didapati menyumbang sebanyak 26% sahaja varians kematangan kerjaya responden sementara 74% lagi disebabkan oleh faktor yan lain.

Perbincangan dan Rumusan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan EDUP3023 adalah tinggi dan ini menunjukkan siswa guru telah menguasai hasil pembelajaran kursus EDUP3023 dengan baik. Begitu juga dengan tahap kematangan kerjaya siswa guru yang tinggi dari aspek domain sikap dan kecekapan. Namun, dimensi kepemimpinan dari domain kecekapan memperolehi dapatan agak rendah. Dapatan ini dijangka berlaku kerana siswa guru ini adalah siswa guru semester satu dan mereka bakal didedahkan kepada pelbagai aktiviti kepemimpinan sebelum tamat latihan keguruan.

Seterusnya, terdapat perbezaan kematangan siswa guru perempuan (min 3.59) dan siswa guru lelaki (min 3.38) dalam kajian ini. Siswa guru perempuan mempunyai tahap kematangan kerjaya yang tinggi daripada siswa guru lelaki. Siswa guru perempuan didapati lebih berorientasikan akademik dan mempunyai lokus kawalan dalam yang tinggi berbanding pelajar lelaki. Dapatkan ini selari dengan daptan kajian Allen (2008), yang melibatkan 225 orang pelajar tahun pertama dari Kampus Pennsylvania State University dengan menggunakan Inventori Kematangan Kerjaya bagi memungut data kajian. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kematangan kerjaya berdasarkan faktor jantina.

Siswa guru perempuan memiliki tahap kematangan kerjaya yang lebih baik berbanding siswa guru lelaki. Perbezaan tahap kematangan kerjaya siswa perempuan banyak dipergaruhi oleh faktor sikap dan komitmen mereka sendiri. Mereka lebih menonjol dari segi keaktifan semasa belajar, ada kesungguhan dalam pelajaran, keseriusan terhadap perancangan masa depan, kerajinan, komitmen dan bertanggungjawab, berbanding siswa lelaki yang mempunyai sikap agak tidak serius, kurang bertanggungjawab terhadap diri, tidak serius dalam membuat perancangan kerjaya masa depan, banyak main-main dan asyik leka. Hal ini juga turut diperakui oleh Wu (2009) yang telah menjalankan kajian ke atas 312 orang mahasiswa dari sebuah Kolej Asia di Amerika Syarikat.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Kursus EDUP3023 ini dapat meningkatkan kecekapan siswa guru dari aspek budaya ilmu/ pengetahuan, kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi, penyelesaian masalah dan sikap kepedulian tinggi terhadap kanak-kanak. Kursus EDUP3023 mempunyai perhubungan yang positif dan kuat dengan domain sikap dan domain kecekapan serta menyumbang kepada kematangan kerjaya. Ini menunjukkan bahawa Kursus EDUP3023 ini dapat meningkatkan kecekapan siswa guru dari aspek budaya ilmu/ pengetahuan, kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi, penyelesaian masalah dan sikap kepedulian tinggi terhadap kanak-kanak. Persepsi siswa guru terhadap kursus ini adalah sangat tinggi dan mereka dapat menguasai hasil pembelajaran yang ditentukan. Implikasinya, kursus EDUP 3023 dapat menolong siswa guru dalam meningkatkan profesionalisme keguruan sebelum mereka tamat latihan.

Pengetahuan tentang teori-teori perkembangan kanak-kanak adalah faktor penyumbang kepada kematangan kerjaya. Dapatkan ini selaras dengan kajian Berk (2012) yang menekankan kepentingan teori-teori perkembangan, membolehkan guru lebih faham perkembangan setiap peringkat kanak-kanak dari aspek perkembangan kognitif, bahasa, sosio emosi, moral dan personaliti. Aspek ini dapat membantu bakal guru merancang pelbagai strategi pengajaran dan pengajaran khasnya *differentiate learning* untuk memenuhi keperluan murid dari pelbagai tahap.

Dapatkan kajian mendapati teori-teori perkembangan menyumbang hanya 26% sahaja kepada kematangan kerjaya. Sumbangan ini mencukupi kerana siswa guru semester 1 bukan hanya mengikut kursus EDUP3023 tetapi kursus lain seperti Falsafah Pendidikan, kursus opsyen masing-masing, dan kokurikulum yang dapat memberi impak secara menyeluruh terhadap kematangan kerjaya siswa guru.

Kesimpulannya, domain kematangan kerjaya siswa guru merupakan penyumbang penting kepada kompetensi keguruan. Siswa guru yang matang bergantung kepada latihan keguruan berkualiti; yang dapat menghasilkan individu yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju. Dapatkan kajian ini mempunyai implikasi penting ke atas usaha pembangunan kurikulum EDUP3023 di IPG sejajar dengan daptan kajian Mohd Sani (2011) yang menegaskan bahawa aktiviti dan *content knowledge* akademik menyumbang terhadap kematangan kerjaya dan efikasi kendiri kerjaya pelajar.

Pendidikan juga perlu membentuk modal insan yang mampu berfikiran kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang baru, mempunyai resilen serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran global yang sering berubah. Kurikulum dan kokurikulum di IPG perlu sejajar dengan implementasi pembelajaran abad 21 dan pembelajaran

sepanjang hayat (*life long learning*) agar siswa guru mencapai standard kompetensi pendidikan bertaraf dunia.

Cadangan

Menurut Mohd Sani Ismail (2011), guru perlu bertindak melangkaui orientasi tugas dan pengurusan kepemimpinan. Kenyataan ini selaras dengan Ahmad Foa'ad (2009) yang menekankan bahawa bakal guru perlu memberi perhatian dalam aspek pengurusan kepemimpinan pendidikan sekolah seperti kurikulum, kokurikulum, Hal Ehwal Murid, Program Sekolah, Sumber, dan Organisasi. Ini bermakna siswa guru perlu diberi kepercayaan untuk membina ciri-ciri kepemimpinan kendiri dengan mewujudkan peluang yang formal dan tidak formal untuk bekerja dalam pasukan dan mengamalkan ciri kepemimpinan bermula dari semester satu supaya mereka lebih mantap dalam profesionalisme keguruan menerusi penyediaan hasil tugas yang menjurus kepada pengalaman masteri kepemimpinan. Pengalaman kejayaan dalam mengurus dapat menjana resilen dan kepuasan kerja yang membawa kepada peningkatan kematangan dan efikasi kepemimpinan. Pengkaji mencadangkan supaya penyemakan semula kurikulum di peringkat IPG KPM dapat mengambil kira penerapan kursus Kepemimpinan Keguruan pada setiap semester.

Selain itu, pembinaan kualiti kepemimpinan juga boleh diterapkan menerusi tugas semasa siswa guru menjalani Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS). Tugasan berbentuk pemerhatian terhadap kejayaan personalia guru dalam mengurus dan memimpin tanggungjawab boleh membangkit atau merangsang keyakinan siswa guru untuk mencontohi kejayaan kepemimpinan personalia guru berkenaan. Ini selaras dengan konsep *vicarious learning* (Bandura 2003) yang dikaitkan dengan pengalaman melalui imiginasi atau hasil pemerhatian terhadap kejayaan orang lain dalam melaksanakan sesuatu aktiviti. Pengalaman vikarius merupakan satu cara membentuk dan memperkasa kepercayaan efikasi kendiri (Bandura 2003). Pengalaman ini disediakan oleh model-model sosial dengan memperlihatkan kejayaan melalui usaha yang berkekalan untuk meningkatkan kepercayaan diri. Justeru, latihan atau tugas yang disediakan untuk siswa guru sama ada dalam kurikulum, kokurikulum dan latihan praktikum perlu berfokus kepada aspek pembinaan pengalaman masteri khususnya aspek kepemimpinan.

Seterusnya, dicadangkan agar siswa guru diberi kerja kursus pendek atau projek berbentuk kajian dalam bidang pendidikan terutama dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam bilik darjah. Siswa guru digalakkan menyertai seminar untuk membentangkan hasil penyelidikan mereka. Penglibatan ini sangat membantu meningkatkan kematangan kerjaya siswa guru dari aspek kecekapan dan sikap.

Dicadangkan juga, Ringkasan Maklumat Kurikulum (RMK) setiap kursus yang ditawarkan di IPG perlu mengambil kira cabaran masa kini untuk membangunkan siswa guru menghadapi dan menangani cabaran-cabaran baru terutama tuntutan-tuntutan sebagai "knowledge worker" dalam era revolusi informasi abad 21. Oleh itu, sewajarnya penerapan A Rich Seam: *Deep Learning* (Fullan, 2014) di IPG diambil perhatian serius oleh semua pihak yang terlibat. Seam (dalam Fullan, 2014) menyarankan pelaksanaan pedagogi baru berfokus kepada pembelajaran yang lebih terlibat dengan kehidupan sebenar, pembelajaran di luar bilik darjah; dan kepemimpinan perubahan baru di mana siswa guru dan pensyarah menolak antara satu sama lain untuk memandu kemajuan dalam perkongsian. Seterusnya, keprihatinan terhadap perkembangan kematangan kerjaya siswa guru ini mampu menjadi pemangkin untuk kembali memartabatkan profesion perguruan dan meletakkannya sebaris dengan profesi-profesi lain.

Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ini telah dapat menilai hubungan di antara EDUP3023 dengan Tahap Kematangan Kerjaya Siswa semester satu IPGKIK dari aspek domain sikap dan kecekapan. Kematangan kerjaya siswa guru mempunyai pertautan tinggi dengan kursus-kursus yang ditawarkan di IPG. Permasalahan di atas juga menunjukkan kepada kita tentang keupayaan kursus-kursus tersebut membina efikasi kendiri dan melahirkan guru yang kompeten dalam kalangan siswa guru. Semoga hasil dapatan kajian ini memberi manfaat yang besar dalam dunia pendidikan khasnya institut latihan keguruan.

Rujukan

- Ahmad Foa'ad Hashim. (2009). Profesionalisme guru daripada perspektif penaziran. *Seminar Pendidikan Guru 2009*. 13-15 Disember 2009: Hotel Crystal Crown Petaling Jaya.
- Allen, Dara Ware. (2008). *Career maturity and college persistence: A longitudinal study of first-year students*. Doctoral Dissertation: Pennsylvania State University.
- Bandura, A. (2003). *Self efficacy: the exercise of control*. Ed. ke-7. New York: Freeman and Company.
- Berk, L.E. (2012). *Child development*. Illinois: Pearson Merill Prentice Hall.
- Chua, Y. P. (2006). Kaedah dan statistik penyelidikan. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Ed. ke-2. Upper Saddle River: Pearson Merill Prentice Hall.
- Crites, J.O., & Savickas, M.L. (1995). *Career maturity inventory*. Psychological Assessment Resources: Odessa, Florida.
- Fullan, M. & Langworthy, M. (2014). *A Rich Seam: How New Pedagogies Find Deep Learning*. London: Pearson.
- Maxwell, S.E. (2000). *Sample size and multiple regression analysis* Psychological Methods, 5(4), 434-458
- Mohamed Hatta Shaharom. (2003). *Psikologi & Kaunseling Remaja, Panduan Remaja Membimbang Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Sani bin Ismail. (2011). *Kematangan Kerjaya, Efikasi Kendiri Kerjaya Dan Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Program Bimbingan Dan Kaunseling Kerjaya*. Latihan ilmiah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rohany Nasir. (2009). *Kaunseling Kerjaya: Satu Anjakan daripada Konvensionalisme*. Siri Syarahan Perdana UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Super, D.E. (1991). *A life-span, life-space approach to career development*. Dalam Brown, D., Brooks, L., et al. *Career Choice and Development*. Edisi Kedua. San Francisco: Jossey-Bass.
- Super, D.E., Savickas, M.L., & Super, C. (1996). *A life-span, life-space approach to career development*. Dalam Brown, D., Brooks, L., & Associates, *Career Choice and Development*. Edisi Ketiga. San Francisco: Jossey-Bass.

- Super, D.E., Super, C.M., & Camenson, B. (2001). *Opportunities in psychology career*. Chicago, IL: VGM Career Books.
- Wu, Wu-Tien. (2009). *Vocational interest and career maturity of male high school students talented in Math and Science*. Proc. Natl. Sci. Counc. 10 (3), 137-143. Retrieved on March 2, 2004, from <http://nr.stic.gov.tw/ejournal/Proceeding D/v 10n3/137-143.pdf>.
- Zunker, V. G. (2006). *Career counseling: A Holistic Approach*. Edisi ketujuh. Pasific Grove, CA: Books/Cole.